

**KEGUNAAN *ETLINGERA COCCINEA* (TUHAU)  
SEBAGAI MAKANAN TRADISI MASYARAKAT  
DUSUN DI KAMPUNG RANCANGAN BELIA,**



**SOOK, KENINGAU**

**ELNNE MADATANG**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH 2022**

**KEGUNAAN *ETLINGERA COCCINEA* (TUHAU)  
SEBAGAI MAKANAN TRADISI MASYARAKAT  
DUSUN DI KAMPUNG RANCANGAN BELIA,  
SOOK, KENINGAU**

**ELNNE MADATANG**



**TESIS INI DISERAHKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN SARJANA MUDA**

**FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**2022**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS

JUDUL : **KEGUNAAN *ETLINGERA COCCINEA* (TUHAU) SEBAGAI  
MAKANAN TRADISI MASYARAKAT DUSUN DI KAMPUNG  
RANCANGAN BELIA, SOOK, KENINGAU**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (GEOGRAFI) KEPUJIAN**

BIDANG : **GEOGRAFI**

Saya **ELNNE MADATANG**, sesi **2019-2022**, mengaku membenarkan tesis ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat Salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT (mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan Atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di Dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD (mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan Oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

*Elnne*

**ELNNE MADATANG**

**BA19110220**

Tarikh: 12 Ogos 2022

Disahkan Oleh,  
*ANITA BINTI PARSAD*  
PUSTAKAWAN KANAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
(Tandatangan Pustakawan)

*Dr. Jurry foo @ Jurry Bt. F. Michael*

(Penyelia Utama)

## PENGAKUAN PELAJAR

Saya akui penghasilan tesis ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan dan ringkasan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.



ELNNE MADATANG

BA19110220

UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

23 JULAI 2022

TARIKH

**PENGESAHAN**

NAMA : **ELNNE MADATANG**

NO. MATRIK : **BA19110220**

TAJUK : **KEGUNAAN *ETLINGERA COCCINEA* (TUHAU) SEBAGAI  
MAKANAN TRADISI MASYARAKAT DUSUN DI KAMPUNG  
RANCANGAN BELIA, SOOK, KENINGAU**

IJAZAH : **SARJANA MUDA SAINS SOSIAL (GEOGRAFI) KEPUJIAN**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**DISAHKAN OLEH:**

**PENYELIA UTAMA**

DR. JURRY FOO @ JURRY BT. F. MICHAEL

**Tandatangan**

## PENGHARGAAN

Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada penyelia tesis saya iaitu Dr. Jurry Foo@ Jurry yang telah meluangkan masa dengan penuh kesabaran untuk memberikan bimbingan dengan penuh dedikasi dan nasihat yang baik, menyumbangkan idea yang pelbagai dan meluas, menjana buah fikiran yang kreatif dan memberikan kritikan yang kritis, membina dan memotivasikan serta menjadi perangsang dan penyokong moral kepada saya untuk melengkapkan tesis ini dengan penuh keyakinan, kompetensi, ketrampilan, sistematik dan sempurna.

Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada panel-panel penilai yang meluangkan masa untuk membaca dan memberikan komen membina. Pandangan dan komen penilai telah membantu saya untuk meneliti kajian dengan lebih mendalam.

Terima kasih tidak terhingga ditujukan kepada ibu bapa saya kerana memberikan saya sokongan moral dan fizikal sepanjang menyiapkan kajian ini. Terima kasih kepada seluruh ahli keluarga yang sentiasa memberikan sokongan, memahami dan mendoakan kejayaan saya sepanjang kajian ini dijalankan.

Saya amat berterima kasih kepada kawan-kawan yang sentiasa memberikan perkongsian ilmu dan memberi galakkan kepada saya untuk menyiapkan kajian ini bersama-sama terutama sekali kepada kawan-kawan di bawah penyeliaan yang sama kerana memberikan tunjuk ajar kepada saya sepanjang menyiapkan kajian ini.

## **KEGUNAAN *ETLINGERA COCCINEA* (TUHAU) SEBAGAI MAKANAN TRADISI MASYARAKAT DUSUN DI KAMPUNG RANCANGAN BELIA, SOOK, KENINGAU**

### **ABSTRAK**

Satu kajian berkaitan dengan kegunaan *Etlintera coccinea* (tuhau) sebagai makanan tradisi masyarakat dusun telah dilakukan di kampung Rancangan Belia, Sook, Keningau. Kajian ini akan lebih tertumpu kepada spesies tumbuhan *Etlintera coccinea* atau lebih dikenali sebagai "tuhau" berdasarkan kepada kegunaannya dalam masyarakat dusun di lokasi kajian yang telah dipilih. Selain itu, kajian ini juga akan menjelaskan lebih lanjut tentang kaedah penggunaan *Etlintera coccinea* dan usaha komuniti dalam memulihara spesies tumbuhan ini agar tidak pupus atau dilupakan. Kaedah kajian yang digunakan adalah berdasarkan kepada kaedah temu bual dimana pengkaji akan menemubual responden di Kampung Rancangan Belia untuk mendapatkan maklumat yang dapat membantu pengkaji untuk menyelesaikan persoalan dalam penyelidikan ini. Pengkaji akan menggunakan kaedah naratif dalam menjelaskan dapatan yang telah diperolehi dalam penyelidikan ini. Hasil akhir kajian ini akan menunjukkan tuhau mempunyai pelbagai kegunaan dalam masyarakat dusun di Kampung Rancangan Belia Sook, Keningau dimana penggunaan sepsies tumbuhan ini lebih banyak digunakan dalam penambah sajian masakan seterusnya usaha masyarakat jelas untuk memulihara tumbuhan ini kerana penerimaan tuhau dalam masyarakat di kampung ini sangat besar dan disukai ramai.

**USE OF ETLINGERA COCCINEA (TUHAU) AS TRADITIONAL FOOD OF DUSUN COMMUNITY IN KAMPUNG RANCANGAN BELIA, SOOK, KENINGAU.**

**ABSTRACT**

*A study related to the use of Etlingera coccinea (tuhau) as a traditional food of the hamlet community was conducted in Kampung Rancangan Belia, sook, Keningau. This study will be more focused on the plant species of Etlingera coccinea or better known as "tuhau" based on its use in orchard communities in the selected study locations. In addition, this study will also explain more about the methods of use of Etlingera coccinea and community efforts in conserving species of this plant so that it does not become extinct or forgotten. The research method used is based on the interview method where the researcher will interview the respondents in Kampung Rancangan Belia to obtain information that can help the researcher to solve the questions in this research. The researcher will use a narrative method in explaining the findings that have been obtained in this research. The final results of this study will show that tuhau has various uses in the hamlet community in Kampung Rancangan Belia Sook, Keningau where the use of this plant species is more used in food additives and many people liked it.*



## ISI KANDUNGAN

TAJUK	HALAMAN
<b>PENGAKUAN PELAJAR</b> .....	ii
<b>PENGESAHAN</b> .....	iii
<b>PENGHARGAAN</b> .....	iv
<b>ABSTRAK</b> .....	v
<b>ABSTRACT</b> .....	vi
<b>ISI KANDUNGAN</b> .....	vii
<b>SENARAI JADUAL</b> .....	ix
<b>SENARAI RAJAH</b> .....	ix
<b>SENARAI FOTO</b> .....	ix
<b>SENARAI LAMPIRAN</b> .....	x
<b>BAB 1 PENGENALAN</b> .....	1
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Matlamat Kajian .....	3
1.3 Objektif Kajian .....	4
1.4 Permasalahan Kajian .....	4
1.5 Kepentingan Kajian .....	5
1.6 Skop Kajian.....	6
1.6.1 Limitasi Subjek.....	6
1.6.2 Limitasi Kawasan.....	6
1.6.3 Limitasi Masa .....	7
1.7 Kerangka Konseptual.....	8
1.8 Kerangka Bab .....	8
<b>BAB 2 SOROTAN LITERATUR</b> .....	11
2.1 Pendahuluan.....	11
2.2.1 Komuniti Luar Bandar .....	11
2.2.2 Konsep Makanan Tradisional .....	12
2.2.3 Konsep Etlingera coccinea 'Tuhau' .....	13
2.2.4 Komuniti dan pengetahuan tradisional.....	14
2.3 Kajian Lepas .....	15
<b>BAB 3 KAEDAH KAJIAN</b> .....	19
3.1 Pendahuluan.....	19

3.2	Reka Bentuk Kajian .....	19
3.3	Kawasan Kajian.....	20
3.4	Kaedah Pengumpulan Data .....	22
3.5	Data Sekunder .....	22
3.5.1	Kajian Perpustakaan .....	22
3.5.2	Sumber Internet.....	22
3.6	Data Primer .....	23
3.6.1	Kajian Lapangan.....	23
3.6.2	Temu bual .....	23
3.6.3	Pemerhatian .....	23
3.7	Kaedah Menganalisis Data.....	24
3.7.1	Analisis Naratif .....	24
3.8	Rumusan .....	24
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN .....</b>	<b>25</b>
4.1	Pengenalan.....	25
4.2	Maklumat Demografi .....	25
4.3	Objektif 1: Mengenalpasti Kegunaan <i>Etilingera Coccinea</i> (Tuhau) Dalam Masyarakat Dusun Di Kampung Rancangan Belia. ....	26
4.4	Objektif 2: Mengkaji Kaedah Penggunaan <i>Etilingera Coccinea</i> (Tuhau) Dalam Masyarakat Dusun Di Kampung Rancangan Belia. ....	34
4.4	Objektif 3: Mengkaji Usaha Komuniti Dalam Memulihara <i>Etilingera Coccinea</i> (Tuhau) Di Kampung Rancangan Belia Sook, Keningau.....	42
4.5	PERBINCANGAN .....	46
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN .....</b>	<b>49</b>
5.1	Pengenalan.....	49
5.2	Cadangan Masa Hadapan.....	51
5.2.1	Cadangan Kepada Penyelidik Masa Hadapan.....	51
5.3	Penutup .....	52
5.4	LAMPIRAN.....	54
<b>RUJUKAN</b>	<b>.....</b>	<b>81</b>

## SENARAI JADUAL

Jadual 1. 1: Proses Penyelidikan .....	7
Jadual 3. 1: Soalan Temu Bual .....	20
Jadual 4. 1: Maklumat Demografi .....	26

## SENARAI RAJAH

Rajah 1. 1: Kerangka Konseptual .....	8
Rajah 1. 2: Kerangka Bab .....	10
Rajah 2. 1: Teori Keperluan Hierarki Maslow dan Makanan Sebagai Sumber Keperluan dan Kepuasan .....	13
Rajah 3. 1: Peta Lokasi Kajian .....	21

## SENARAI FOTO

Foto 4. 1: Sambal Lada Tuhau.....	28
Foto 4. 2: Serunding Tuhau.....	28
Foto 4. 3: Bosou Tuhau .....	29
Foto 4. 4: Tuhau Yang Dijadikan Ulam .....	30
Foto 4. 5: Batang Tuhau Sebagai Ubat.....	31
Foto 4. 6: Nilai Komersial Tuhau Untuk Pemasaran .....	33
Foto 4. 7: Sambal Tuhau Ikan Masin.....	35
Foto 4. 8: Lesung Batu .....	36
Foto 4. 9: Sambal Lada Tuhau.....	36
Foto 4. 10: Hasil Bahan Serunding Tuhau Dicampurkan .....	38
Foto 4. 11: Bosou Ikan Dicampur Dengan Tuhau .....	40
Foto 4. 12: Tuhau Sebagai Ubat Tradisional.....	41
Foto 4. 13: Responden Mencari Benih Tuhau di Kawasan Hutan .....	45
Foto 5. 1: Pengkaji dan Responden (Flora) .....	54
Foto 5. 2: Pengkaji dan Responden (Kupilin Binti Gansayak) .....	55
Foto 5. 3: Pengkaji dan Responden (Justin Michael Botulis) .....	55

Foto 5. 4 : Pengkaji dan Responden (Asroy Ubin).....	56
Foto 5. 5: Pengkaji dan Responden (Tuil Bin Baidang) .....	56
Foto 5. 6: Pengkaji dan Responden (Eusebia Paulus).....	57
Foto 5. 7: Pengkaji dan Responden (Rejinah Giun).....	57

### **SENARAI LAMPIRAN**

Lampiran A: Foto Responden.....	54
Lampiran B: Transkrip Temubual .....	58
Lampiran C: Surat Kebenaran Menjalankan Kajian .....	79
Lampiran D: Laporan Semakan Plagiat .....	80



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## PENGENALAN

### 1.1 Pendahuluan

Tidak dinafikan bahawa Sabah merupakan antara negeri yang mempunyai kawasan Hutan Hujan Tropika. Hal ini menyebabkan Sabah terkenal dengan kawasan yang kaya dengan kepelbagaian alam flora dan fauna yang mempunyai keunikan dan tarikannya yang tersendiri dan masih terpelihara dalam keadaan yang baik. Sebagai contoh, Taman Kinabalu merupakan kawasan yang mendapat anugerah daripada badan UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*) sebagai salah satu tapak warisan Dunia yang mempunyai kecantikan alam yang masih terpelihara. Ciri-ciri semulajadi yang terdapat di negeri Sabah ini menjadikan pelbagai spesies tumbuhan tumbuh subur di kawasan Kepulauan Borneo. Hal ini dibuktikan melalui satu jenis tumbuhan liar ialah *Etilingera coccinea* dimana tumbuhan ini tumbuh secara semula jadi di kawasan hutan.

Etnik Kadazandusun ini merupakan etnik yang terbesar di Sabah dimana ia terbahagi kepada beberapa sub suku seperti Tatana, Tobilung, Kimaragang, Lotud, Lundayeh, Kadazan, Tindal, Sungai dan banyak lagi. Kesemua suku etnik masyarakat ini kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman seperti Keningau, Ranau, Kudat, Penampang, Papar, Tuaran dan Kuala Penyu. Masyarakat di Sabah ini kaya dengan pelbagai aktiviti pertanian seperti aktiviti bercucuk tanam dari segi penanaman padi, kelapa sawit, getah dan sayur-sayuran. Kaum-kaum di Sabah ini sememangnya terkenal dengan pelbagai jenis makanan tradisional sejak zaman dahulu lagi.

Tuhau merupakan salah satu tumbuhan yang dikenali sebagai nama saintifiknya *Etilingera coccinea* yang dikategorikan sebagai ulam atau halia hutan yang mempunyai

rasa dan bau yang tajam. Halina Sendera et.al (2020). *Etilingera coccinea* ini disebut sebagai 'tuhau' kerana ia merupakan nama tempatan dalam masyarakat Dusun, Kadazan dan Murut di Sabah. Hal ini kerana penduduk tempatan sering mengambil bahagian tunas daripada tumbuhan ini untuk dijadikan ulam, ubatan dan makanan. Tidak dinafikan bahawa masyarakat Borneo di Sabah mengenali tumbuhan ini. Kajian Thilangarani Nagappan et.al. (2017) dalam Polusen (2006), menyatakan bahawa 'tuhau' mempunyai kegunaan sebagai sumber makanan dan perubatan tradisional dan tumbuhan ini termasuk dalam genus *Etilingera* (*Zingiberaceae*) yang serupa dengan pokok kantan.

Masyarakat Sabah lebih mengenali tumbuhan ini sebagai sumber makanan kerana tuhan bukan sahaja dapat dijadikan ulam malahan sering dijadikan sebagai bahan campuran dalam pelbagai jenis makanan yang lain seperti penambah rasa dan selera makan. Justeru itu, tuhan ini mempunyai banyak kegunaan dan menjadi salah satu tumbuhan yang menjadi kegemaran orang ramai. Jika dilihat dari segi pemasaran tumbuhan ini, ia juga mendapat sambutan ramai pelanggan dan berkemungkinan tumbuhan ini masih belum dikenali di peringkat global. Walaupun 'tuhau' adalah sumber makanan tradisi dalam masyarakat tempatan dalam pelbagai bentuk yang masih belum diketahui dalam pelbagai tempat di Malaysia. Roy Bin Dinsim (2006).

Menurut Najmi (2018), spesies *Etilingera coccinea* ini dapat tumbuh membesar dengan mencapai ketinggian melebihi lima meter. Azlin (2008) dalam (Poulsen, 2003) menyatakan bahawa tumbuhan ini memiliki nilai komersial kerana setiap bahagian tumbuhan ini mempunyai nilai yang baik untuk dijadikan sebagai produk jualan. Tambahan pula, untuk membezakan tumbuhan ini dengan tumbuhan herba yang lain, dapat dilihat melalui keistimewaan tuhan ini sendiri dimana ia mempunyai bau yang unik seperti sejenis serangga perosak padi yang dikenali sebagai "posisang" dalam masyarakat dusun di Sabah. *Etilingera coccinea* mempunyai daun yang berbau tetapi mengeluarkan bunga berwarna kemerahan. Bahagian tengah batang yang bertekstur lembut dan bewarna cerah dan ianya dapat dilihat seperti batang pokok pisang. Melalui ciri-ciri ini kita dapat membezakan spesies tumbuhan ini dengan tumbuhan hutan yang serupa dengan spesies halia ini.

Tumbuhan ini mempunyai ciri-ciri luaran yang unik dan boleh digunakan sebagai herba ubat-ubatan, komersial dan produk makanan. Persoalannya, apakah kegunaan "tuhau" dalam masyarakat dusun, bagaimana tumbuhan ini digunakan dan apakah cara yang dapat dilakukan untuk memulihara bagi memastikan tumbuhan ini tidak pupus atau dilupakan pada masa akan

datang. Oleh itu, melalui kajian ini, pengkaji akan membuat penyelidikan tentang spesies tumbuhan ini bagi menjawab persoalan-persoalan dalam kajian ini.

## 1.2 Matlamat Kajian

Secara umumnya, kajian ini dijalankan untuk mengetahui kegunaan *Etlingera coccinea* "tuhau" di kampung Rancangan Belia, Sook, Keningau dimana kawasan ini mempunyai kawasan yang sesuai untuk pertumbuhan *Etlingera coccinea*. Sememangnya masyarakat dusun di kampung ini kebanyakannya mencari tuhan di kawasan hutan kerana spesies ini mudah untuk diperolehi di kawasan tersebut dan tumbuh liar di dalam hutan. Oleh itu, fokus utama kajian ini adalah mengkaji kegunaan tumbuhan ini yang digunakan dalam masyarakat Dusun.

Seterusnya, setiap tumbuhan yang tumbuh pastinya mempunyai nilai dan cara penggunaannya yang tersendiri. Oleh itu, dalam kajian ini juga akan mengetengahkan berkaitan dengan kaedah penggunaan *Etlingera coccinea* yang dilakukan dalam masyarakat dusun di Kampung Rancangan Belia Sook, Keningau, Sabah samaada dari sudut penggunaan perubatan tradisional atau penggunaan dari segi masakan.

Selain itu, kajian ini juga turut mengkaji bagaimana *Etlingera coccinea* ini dipelihara dan dipulihara bagi memastikan tumbuhan ini tidak pupus atau dilupakan oleh generasi dunia pada masa akan datang. Sesungguhnya, ekologi berkaitan dengan tumbuhan ini perlu dilakukan sebagai langkah awal untuk memulihara spesies ini. Hal ini kerana, kajian ini secara tidak langsung dapat menyediakan peluang penyelidikan yang lebih luas bagi kajian untuk masa hadapan kerana ekologi pemuliharaan spesies *Etlingera coccinea* juga harus dilakukan kerana ianya mempunyai keunikan dan keistimewaan tumbuhan ini dari segi penggunaan secara tradisional yang belum diketahui oleh kebanyakan orang.

### 1.3 Objektif Kajian

Dalam menyempurnakan kajian ini terdapat beberapa objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji iaitu:

- a. Mengenalpasti kegunaan *Etlingera coccinea* (tuhau) dalam masyarakat dusun di Kampung Rancangan Belia Sook, Keningau.
- b. Mengkaji kaedah penggunaan *Etlingera coccinea* (tuhau) dalam masyarakat dusun di Kampung Rancangan Belia Sook, Keningau.
- c. Mengkaji usaha komuniti dalam memulihara *Etlingera coccinea* (tuhau) di Kampung Rancangan Belia Sook, Keningau.

### 1.4 Permasalahan Kajian

Jika dilihat dalam peringkat global, tumbuhan yang dikenali sebagai 'tuhau' dalam masyarakat Borneo ini masih belum diketahui secara meluas disebabkan oleh faktor pertumbuhannya yang hanya wujud di kawasan hutan dan tumbuh secara semula jadi. *Etlingera coccinea* 'tuhau' ini boleh dikatakan hanya diketahui dalam masyarakat Borneo kerana kebanyakan masyarakat tempatan ini masih menggunakan amalan perubatan tradisional daripada sumber hutan. Walaupun 'tuhau' ini terkenal dalam peringkat dunia namun masyarakat lain belum mengetahui tentang manfaat dan kegunaan tumbuhan ini dari segi perubatan. Pernyataan ini disokong oleh kajian yang dijalankan oleh Dayang Nur Jazlin & Annita Yong (2017) dimana sarjana ini menyatakan bahawa kajian terhadap tumbuhan ini masih kurang.

Selain itu, dalam penelitian awal dan tinjauan literatur dapat dikatakan bahawa kajian berkaitan dengan makanan tradisional dalam kalangan etnik Kadazandusun di Sabah yang berkaitan dengan pemaparan dan pelestarian identiti budaya yang mempunyai nilai-nilai komersial masih kurang dan belum mendapat perhatian yang meluas dalam kalangan penyelidik. Halina, (2020). Tuhau adalah tumbuhan semulajadi yang mempunyai nilai dan kegunaan yang pelbagai serta menjadi salah satu makanan tradisional dalam masyarakat dusun di Sabah. Tuhau ini bukan sahaja menjadi lambang kepada budaya masyarakat dusun namun ia juga dapat digunakan sebagai perubatan tradisional seperti membuang bau badan, merawat sakit perut,



keracunan dan gastrik. Tetapi penggunaannya dalam bidang perubatan juga masih kurang diketahui oleh lapisan masyarakat terutama sekali kepada golongan muda.

Dalam Tongkul (2002), juga menerangkan bahawa pengetahuan tradisional semakin hilang dan pupus akibat daripada kekurangan pemahaman berkaitan dengan kepentingan makanan tradisional. Sesungguhnya, pengetahuan terhadap makanan tradisional ini akan semakin pupus sekiranya generasi muda tidak mempelajari dan mengetahui jenis-jenis makan tradisional sejak kecil lagi. Ditambah lagi dengan kehidupan mereka yang semakin moden pada masa kini dimana manusia dapat memanfaatkan teknologi seperti telefon mudah alih untuk membeli dan memesan makanan secara atas talian sahaja. Hal ini dapat dilihat dalam kehidupan komuniti yang berada dalam zaman kapitalis pada masa kini. Oleh sebab itu, kebanyakan makanan tradisional menghadapi risiko untuk hilang akibat daripada sikap masyarakat sekarang terutama sekali kepada mereka yang tinggal di kawasan bandar dan sibuk dengan pekerjaan sehingga tidak mempunyai masa dan peluang untuk menyediakan makanan yang bermanfaat untuk kesihatan. Perlakuan ini mungkin dibataskan oleh penyediaan makanan tradisional yang memerlukan bahan-bahan semulajadi untuk dijadikan sebagai makanan. Oleh itu, melalui kajian ini pengkaji akan mengupas lebih lanjut tentang fakta tumbuhan ini agar boleh diketahui oleh setiap lapisan masyarakat.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian yang dijalankan ini dapat memberikan kepentingan kepada beberapa pihak-pihak tertentu seperti:

### **a. Pelajar**

Melalui kajian ini ia dapat membantu pelajar terutama sekali pelajar universiti untuk dijadikan sebagai rujukan dalam kajian yang mereka lakukan disamping dapat melakukan kajian yang lebih mendalam lagi berkaitan dengan kajian ini. Melalui kajian ini juga pelajar juga dapat memperoleh pengetahuan baru berkaitan dengan kegunaan tumbuhan ini.

### **b. Masyarakat**

Kajian ini juga penting kepada masyarakat dimana ia dapat membantu masyarakat dalam mengetahui kegunaan tuhan dalam pelbagai aspek. Melalui kajian ini juga, masyarakat boleh

menjadikan kajian ini sebagai bahan bacaan harian mereka dalam kehidupan seharian terutama sekali kepada masyarakat yang tinggal di Kampung Rancangan Belia Sook, Keningau.

### c. Disiplin Ilmu Geografi

Kajian ini juga dapat membantu bidang ilmu Geografi terutama sekali dalam bidang pembelajaran Biogeografi yang dapat dilihat melalui kajian yang dijalankan ini iaitu berkaitan dengan kegunaan tumbuhan ini dalam pelbagai aspek kegunaan.

## 1.6 Skop Kajian

### 1.6.1 Limitasi Subjek

Dalam penyelidikan ini akan lebih tertumpu kepada satu jenis tumbuhan sahaja dimana ia berkaitan dengan kajian untuk mengetahui kegunaan *Etilingera coccinea* (tuhau) sebagai makanan tradisi masyarakat dusun di kampung Rancangan Belia, Sook, Keningau.

### 1.6.2 Limitasi Kawasan

Kawasan kajian yang dipilih ini adalah bertempat di Kampung Rancangan Belia Sook, Keningau yang merangkumi lokasi kediaman pengkaji sendiri. Komuniti yang terlibat dalam menyempurnakan kajian ini adalah sudah semestinya komuniti yang tinggal di lokasi kajian tersebut. Lokasi ini dipilih kerana masyarakat di kawasan ini mempunyai kawasan penanaman 'tuhau' dan rajin masuk ke hutan untuk mencari tumbuhan ini. Etnik masyarakat di kampung ini adalah berbangsa dusun. Kawasan ini terbahagi kepada beberapa block iaitu block A, B, C, D dan E. Dalam kawasan ini pengkaji akan memilih penduduk atau responden yang tinggal di block A kerana ia tempat tinggal pengkaji berada di kawasan tersebut. Tambahan pula, kawasan kajian ini dikelilingi dengan kawasan hutan dan tumbuhan ini tumbuh bersamaan dengan pelbagai jenis tumbuhan yang serupa dengan tuhau. Oleh itu, pengkaji muda dan senang untuk melakukan kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk membuat pemerhatian di lokasi kajian yang dipilih.

### 1.6.3 Limitasi Masa

Tempoh masa kajian ini ialah dua semester yang dilakukan bermula pada awal bulan Oktober 2021 dimana pengkaji sedang menempuhi pembelajaran dalam semester lima. Seterusnya, untuk semester enam pengkaji akan meneruskan kajian ini termasuk proses mengutip data sehingga proses penulisan tesis ini diselesaikan.

**Jadual 1. 1: Proses Penyelidikan**

Tahun	2021			2022							
	O k t o b e r	N o v e m b e r	D e s e m b e r	J a n u a r i	F e b r u a r i	M a r c h	A p r i l	M e i	J u n i	J u l a i	O g o s t
Mengenalpasti permasalahan kajian											
Penentuan dan semakan tajuk latihan ilmiah kepada penyelia											
Penyediaan proposal kajian											
Semakan dan pembetulan proposal kajian											
Proses pencarian bahan sorotan literatur											
Pengesahan semula tajuk Latihan ilmiah											
Penulisan draft kajian bab 1, bab 2 dan bab 3											
Pemerhatian awal berkaitan spesies tumbuhan <i>Etilingera coccinea</i> "Tuhau"											
Semakan soalan temubual											
Kutipan data dilakukan melalui temu bual di lapangan											
Proses penganalisisan data											




melibatkan proses penelitian, penilaian dan pemahaman secara mendalam mengenai hasil kajian lepas. Sorotan literatur yang dilakukan ini mestilah mempunyai kaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Melalui sorotan literatur ini, pengkaji juga dapat mengetahui lompong yang terdapat dalam kajian lepas dan pengkaji mempunyai peranan untuk melengkapkan lompong tersebut agar pengkaji dapat mewujudkan sesuatu kajian yang baru.

Bab ketiga pula akan menjelaskan berkaitan dengan metodologi kajian yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data. Metodologi kajian menjadikan kajian yang dijalankan lebih bersistematik dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif dalam kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan dalam pelaksanaan kajian ini adalah menggunakan kaedah temubual mendalam dimana pengkaji akan turun ke lapangan untuk mendapatkan maklumbalas daripada responden secara bersemuka.

Selain itu, bab keempat pula merupakan bab gabungan antara dapatan kajian dan perbincangan. Bab ini melibatkan proses menganalisis dan menghuraikan dapatan kajian. Maklumat yang diperolehi daripada kajian lapangan ini akan dianalisis menggunakan naratif dalam membuat hubungkait dengan objektif kajian yang telah ditetapkan.

Bab yang terakhir pula, pengkaji akan membuat kesimpulan. Bab ini akan menghuraikan kesimpulan keseluruhan kajian, sumbangan kajian serta cadangan kajian untuk generasi akan datang untuk melakukan kajian yang lebih mendalam lagi.



**Rajah 1. 2: Kerangka Bab**

## **BAB 2**

### **SOROTAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji tentang kegunaan *Etilingera coccinea* 'tuhau' dan penerimaannya sebagai makanan tradisional dalam masyarakat dusun di Kampung Rancangan Belia Sook, Keningau yang dilakukan dengan bimbingan penyelia. Bab 2 ini akan membincangkan tentang latar belakang konsep dan kajian-kajian lepas yang dilakukan berkaitan dengan kajian terhadap 'tuhau' dimana Sorotan literatur ini melibatkan proses penelitian, penilaian dan pemahaman secara mendalam mengenai hasil kajian lepas. Sorotan literatur yang dilakukan ini mestilah mempunyai kaitan dengan tajuk kajian pengkaji. Melalui sorotan literatur ini, pengkaji juga dapat mengetahui lompong yang terdapat dalam kajian lepas dan pengkaji mempunyai peranan untuk melengkapkan lompong tersebut agar pengkaji dapat mewujudkan sesuatu kajian yang baru.

#### **2.2 Latar Belakang Konsep**

##### **2.2.1 Komuniti Luar Bandar**

Dalam kajian yang dijalankan di kawasan kampung Rancangan Belia Sook, Keningau ini merupakan sebuah kawasan yang terletak di pedalaman dimana komuniti di kawasan ini adalah berbangsa dusun yang beragama Kristian dan Islam.

Dapat dikatakan bahawa penduduk di kawasan ini gemar dan menyukai tuhan dimana kebanyakan mereka akan mencari tuhan di kawasan hutan yang berdekatan dengan kebun-kebun mereka. Komuniti di kampung ini juga memanfaatkan kegunaan atau kelebihan tuhan ini dalam mendapatkan keuntungan dan kebajikannya.

Komuniti luar bandar ini merupakan masyarakat yang tinggal di pedalaman dimana kehidupan masyarakat ini dengan komuniti bandar adalah berbeza. Komuniti luar bandar ini dapat dilihat melalui gaya hidup mereka yang lebih banyak masa untuk melakukan aktiviti riadah dan menikmati alam semulajadi. Komuniti luar bandar ini sememangnya mendapatkan produk atau makanan secara asli seperti sayur-sayuran dan buah-buahan di kawasan petempatan mereka.

### **2.2.2 Konsep Makanan Tradisional**

Menurut Anis & Nabila (2019), makanan tradisional merupakan sebahagian daripada budaya, identiti, dan warisan untuk setiap bahagian negara di seluruh dunia yang dibezakan melalui perspektif identiti budaya khas. Makanan tradisional ini juga sering dikaitkan dengan makanan tempatan yang merujuk kepada penggunaan bahan-bahan tempatan yang khusus dalam pengeluaran tempatan yang melibatkan pengetahuan dan kepakaran tempatan seseorang. Dalam penulisan beliau, makanan tradisional ini juga merupakan sesuatu yang sangat penting bagi mengekalkan adat-adat tradisional yang telah lama wujud berasaskan seni masakan tempatan dalam satu etnik.

Kuhnlein & Chan (2000), mengatakan makanan tradisional ini juga meliputi semua jenis makanan yang diperbuat dan dihasilkan daripada sumber asli yang disediakan dalam budaya tertentu. Justeru itu, makanan tradisional ini sentiasa berkaitan dengan makanan tempatan dan makanan artisan yang merujuk kepada bahan-bahan, pengetahuan dan lokasi produk yang tertentu dimana Nathalie (2007), berpendapat bahawa makanan tradisional ini boleh dilihat sebagai makanan yang disediakan oleh orang asal dalam satu negara dan dianggap sebagai makanan tempatan atau makanan etnik. Secara lazimnya, makanan yang dihasilkan ini dapat menyokong ekonomi tempatan.

Makanan dapat diterangkan dalam lima peringkat yang berhubung kait antara satu sama lain. Konsep ini sangat penting bagi keperluan manusia yang paling asas. Rajah 2.1 dibawah